



BERITA MBBB

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
EDISI: FEBRUARI 2016 M / RABIULAKHIR 1437H

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN MBBB

MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PELANGGAN YANG EFISIEN DAN MESRA KEPADA PELANGGAN

MBJB LELONG 46 JENIS BARANGAN SITAAN



JOHOR BAHRU, 21 Februari 2016 – MBBB sekali lagi mengadakan acara lelongan barang rampasan dan sitaan yang tamat tempoh dan tidak dituntut pemiliknya bertempat di Stor Penguatkuasaan, Taman Mount Austin.

Menurut Pegawai Undang-undang MBBB, Nor Azah Aziz, sebanyak 46 jenis barang seperti kerusi dan meja plastik, peti sejuk, dapur masak, tong gas serta rak besi dilelong mengikut lot melalui konsep bidaan tertinggi daripada harga rizab atau yang ditentukan oleh pelelong. Seramai 136 orang awam hadir dan mendaftar sebagai pembida untuk menyertai acara lelongan tersebut.

Barang-barang yang dilelong juga katanya, adalah barang rampasan dan sitaan mengikut kesalahan di bawah Undang-undang Kecil (UUK) Mencegah kekotoran MBBB 1981 pindaan 2004 dan Undang-undang Kecil (UUK) Penjaja (MBJB) 2010.

Acara lelongan tersebut secara tidak langsung membuka ruang kepada para peniaga khasnya premis perniagaan untuk membuat pembelian kelengkapan premis dengan harga yang terendah dan berpatutan berbanding di pasaran.



AHLI-AHLI MAJLIS MBBJ SESI 2016-2017 , ANGKAT SUMPAH



JOHOR BAHRU, 21 Februari 2016 – Seramai 24 orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru mengangkat sumpah bagi penggal baharu 2016/2017, melibatkan 11 muka baharu dan 13 muka lama bagi memberi khidmat terbaik kepada masyarakat.

Barisan Ahli Majlis kali ini dipilih berdasarkan prestasi masing-masing dan mereka perlu mematuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan sebagai penanda aras kecemerlangan perkhidmatan masing-masing.

Pelantikan Ahli Majlis bagi tempoh 1 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017 itu disempurnakan oleh YB. Datuk Hj. Abdul Latiff bin Hj. Bandi, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan disaksikan oleh Ybhg. Tn. Hj. A. Rahim bin Hj. Nin, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Ybhg. Tn. Hj. Farizal bin Ismail, Setiausaha MBBJ, Ketua-ketua Jabatan Negeri, Persekutuan dan MBBJ, serta rakan media MBBJ.



Setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan tahniah dan syabas kepada barisan Ahli-ahli Majlis MBBJ yang baharu dilantik dengan harapan akan terus berusaha demi kepentingan warga bandar raya Johor Bahru di samping bersatu merealisasikan visi MBBJ untuk menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa, berbudaya dan lestari.



Nama: Azura binti Hassan
Jawatan: Penolong Juruaudit W27



Nama: Muhamad Hazman bin Abdul Razak
Jawatan: Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa JA29



Nama: Nor Azura binti Sha'ari
Jawatan: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29



Nama: Nurul Fatin binti Zakaria
Jawatan: Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29



Nama: Mohd Firdauz bin Zulkifeli
Jawatan: Penolong Pegawai Seni Bina JA29



Nama: Mohd Aliff bin Md Sukor
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27



Nama: Mohd Nashriq bin Sarlan
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27



Nama: Nurfarahin binti Haron
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27



Nama: Siti Hawa binti Amin
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27



Nama: Nur 'Aifaa Azizah binti Masridin
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27



Nama: Elliy Zuraidy bin Abas
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir N27

DIARI LAWATAN



Lawatan dari Majlis Perbandaran Sepang (MPS)

Tarikh: 3 Februari 2016

Objektif: Mempelajari bidang proses kerja tender dan kontrak di MBBJ, di samping mewujudkan hubungan dua hala dan bertukar pendapat dan menimba ilmu pengetahuan baharu.

Jabatan Terlibat: Bahagian Ukur Bahan, Jabatan Kewangan

Jumlah Peserta: 42 orang

DIARI KURSUS



Seminar Latihan Pembangunan Kapasiti : Introduction to Placemaking with MBBJ

Tarikh: 1 Februari 2016

Penceramah: Pn. Cynthia Nikitin dari New York, Amerika Syarikat

Objektif: Memberikan pendedahan kepada pegawai MBBJ, serta para sukarelawan mengenai kaedah perancangan setempat dengan penggunaan kaedah yang bersesuaian. Kursus ini juga memberi pendedahan mengenai kaedah baharu berkenaan penjana semula kawasan awam, pembangunan ekonomi yang mampan dan pembangunan masyarakat.



Lawatan dari Majlis Daerah Pontian

Tarikh: 4 Februari 2016

Objektif: Mempelajari penerimaan dan pemprosesan permohonan melalui OSC online dan membincangkan isu-isu berdasarkan pengalaman penggunaan OSC online di MBBJ.

Jabatan Terlibat: Unit Pusat Setempat (OSC)

Jumlah Peserta: 8 orang



Seminar Motivasi 'Cemerlang di Tempat Kerja'

Tarikh: 11 Februari 2016

Penceramah: YM Raja Shamri bin Raja Hussin, Golden Minds Consultant

Objektif: Meningkatkan keupayaan dan kualiti kerja, mengukuhkan jati diri anggota MBBJ dan membina rangkaian kerjasama serta solidariti dengan rakan-rakan kerja di organisasi atau pertubuhan yang lain.



Lawatan dari Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Negeri Johor

Tarikh: 18 Februari 2016

Objektif: Pembelajaran tentang langkah-langkah pelaksanaan amalan 5S yang menjadi budaya warga kerja MBBJ.

Jabatan Terlibat: Bahagian Korporat & Perhubungan Awam

Jumlah Peserta: 17 orang



Seminar 'Procedures Matters' Dalam Pelan Pemajuan – 16 Februari 2016

Objektif: Menjalinkan persefahaman ke atas pelaksanaan prosedur pelan pemajuan yang lebih baik antara pihak berkuasa tempatan dengan pihak pelabur, PSP/SP dan agensi-agensi teknikal, meningkatkan pengetahuan dalam kalangan pemain industri pembinaan ke atas pelaksanaan prosedur pelan pemajuan yang berkuatkuasa, mendapatkan maklum balas dari stakeholders ke atas keberkesanan pelaksanaan prosedur sedia ada di samping menyelaras dan menambahbaik prosedur sedia ada berdasarkan keperluan semasa dan keperluan akan datang.

LOCAL AGENDA 21 (LA 21)



**Maulidur Rasul Zon Kempas di Surau al-Masyhur, Kempas Lurah
Tarikh: 6 Februari 2016**



**Maulidur Rasul Zon Taman Johor di Masjid as-Solehin, Tampoi
Tarikh: 6 Februari 2016**



**Maulidur Rasul Zon Pasir Pelangi di Flat Sri Iskandar
Tarikh: 11 Februari 2016**



**Maulidur Rasul Flat Sri Stulang
Tarikh: 12 Februari 2016**



**Maulidur Rasul Kg. Desa Jaya Majidee
Tarikh: 19 Februari 2016**



**Maulidur Rasul Zon Kg. Baru
Tarikh: 19 Februari 2016**

MBJB SANA SINI



PETUNJUK:

1. Pertandingan Landskap Zon Ahli Majlis
Tarikh: 4 Februari 2016
3. Program Solat Hajat & Ceramah Perdana Sains Solat
Tarikh: 18 Februari 2016

2. Karnival Permotoran Desa Rahmat di Zon Tampoi
Tarikh: 8 Februari 2016
4. Perayaan Tahun Baru Cina di Pusat Komuniti Taman Sri Tebrau
Tarikh: 20 Februari 2016

SIDANG PENGARANG BERITA MBJB (NEWSLETTER)

KETUA PENGARANG
Abdul Aziz bin Ithnin

KETUA UNIT EDITORIAL
Muhammad Shafee bin Muhtasham

SIDANG EDITORIAL
Finadania Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO
Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA
Unit Penerbitan & Dokumentasi,
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

No. Tel : 07 - 219 8062
Faks : 07 - 223 6464
E-mel : penerbitan.mbjb@gmail.com

BERITA MBJB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara **PERCUMA**. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda.

Sila hantarkan cetusan idea anda kepada:

Unit Penerbitan dan Dokumentasi,
Bahagian Korporat & Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.



JADUAL WAKTU OPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

WAKTU OPERASI

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 – 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 219 8000

WAKTU OPERASI KAUNTER

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

HARI	JAM
AHAD – RABU	8.00 PAGI – 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI – 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 386 1535

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI – 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 – 8.00 MALAM (SABTU – KHAMIS) & 12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 - 351 1503

KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompaun MBBJ)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBBJ (www.mbjb.gov.my) UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI	
NO. TELEFON	07-219 8077 (Waktu Pejabat) 019 - 720 3290 (Waktu Urusan Kaunter Bergerak)